PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI RABU : 29 OKTOBER 2014

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.11 HINGGA 49)

(JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 18)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 10)

NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH
KAWASAN	:	LENGGONG
TARIKH	:	29.10.2014 (RABU)
NO. SOALAN	:	11

Y.B DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

a) data terkini prestasi dan jumlah pelaburan asing dalam negara; dan

b) kesan terhadap pelaburan ke negara ini ekoran isu MH370 dan MH17.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Malaysia terus mencatat peningkatan kemasukan pelaburan asing walau pun berdepan dengan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu serta insiden kehilangan pesawat MH370 dan MH17.

Bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini, jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi bagi tempoh Januari hingga Jun 2014 adalah bernilai RM114.5 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 8.8 peratus dari tempoh yang sama pada tahun 2013 (RM105.2 bilion). Jumlah pelaburan ini merangkumi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan sektor utama iaitu sektor pertanian, perlombongan, perladangan dan komoditi. Pelaburan yang diluluskan ini melibatkan 2,807 projek dan akan menjana 95,046 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM40.8 bilion atau 35.6 peratus merupakan pelaburan asing, iaitu peningkatan sebanyak 27.1 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 (RM32.1 bilion).

Dalam tempoh tersebut, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada pelaburan dalam negara dengan jumlah sebanyak RM57 bilion, diikuti sektor perkilangan (RM47.4 bilion) dan sektor utama (RM10.1 bilion).

Data pelaburan terkini bagi sektor perkilangan untuk tujuh bulan pertama tahun ini turut menunjukkan prestasi yang amat memberansangkan. Bagi tempoh Januari hingga Julai 2014, sejumlah RM53.2 bilion pelaburan telah diluluskan, meningkat sebanyak 86 peratus dari tempoh yang sama pada tahun 2013 (RM28.6 bilion). Pelaburan yang diluluskan ini melibatkan 498 projek dan akan menjana 52,621 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM30.7 bilion atau 57.7 peratus merupakan pelaburan asing, pertambahan sebanyak 67.8 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 (RM18.3 bilion).

Kementerian akan meneruskan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang bersesuaian untuk menarik pelaburan termasuk pelaburan asing ke Malaysia, bagi memastikan sasaran pelaburan tahunan sebanyak RM148 bilion di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) tercapai.

SOALAN NO: 12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN JULIAN TAN KOK PING**
		[STAMPIN]
TARIKH	:	**29 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	

YB Tuan Julian Tan Kok ping [Stampin] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan senarai syarikat-syarikat yang membekalkan peralatan serta servis di Hospital Umum Kuching Sarawak, serta peralatan dan servis yang mereka bekalkan. Senaraikan jumlah pembelian ataupun pembayaran kepada syarikat yang disenaraikan dari tahun 2000 sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod perolehan bagi enam tahun yang lepas iaitu daripada tahun 2008 sehingga pertengahan tahun 2014, terdapat 72 buah syarikat yang membekalkan peralatan di Hospital Umum Sarawak dengan anggaran perbelanjaan sebanyak RM42.13 Juta. Di antara peralatan yang dibekalkan ialah seperti peralatan teknologi maklumat (ICT), *ventilator*, *incubator*, mesin haemodialisis, pelbagai jenis *scope*, peralatan makmal dan perabot. Rekod perolehan bagi tahun 2000 hingga tahun 2007 telah dilupuskan.

Soalan No :13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 29.10.2014

SOALAN :

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah prosedur penggubalan soalan-soalan peperiksaan awam di negara ini serta jaminan integriti dan keselamatan kertas-kertas soalan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara yang terkandung dalam peraturan dan prosedur keselamatan (SOP) bagi penggubalan kertas soalan peperiksaan ialah penggubal soalan **WAJIB** menandatangani surat sumpah rahsia. Manakala kawasan penggubalan kertas soalan dijadikan kawasan terhad dan pegawai-pegawai yang tertentu sahaja yang boleh masuk dengan menggunakan kad magnet.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah drastik dan serta-merta bagi memastikan intergriti dan keselamatan kertas-kertas soalan peperiksanan awam, antaranya:

SOP secara berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik; dan

vi. Memendekkan tempoh penyimpanan di bilik kebal dan penghantaran kertas soalan ke bilik kebal sebelum peperiksaan bermula serta memantapkan lagi Pengurusan Krisis (*Crisis Management*) untuk bertindak serta merta apabila berlaku sebarang kemungkinan yang tidak diingini. Langkah ini dijangka mampu untuk menangani masalah kebocoran kertas peperiksaan seiring dengan kecanggihan teknologi pada masa ini.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusian **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang diambil dilaksanakan dengan berkesan.

RJM68

NO. SOALAN : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL]**
TARIKH	:	**29.10.2014 (RABU)**

DATO' MANSOR BIN OTHMAN [NIBONG TEBAL] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup dalam mengawal harga dan keberkesanannya setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagai Kerajaan yang prihatin dan serius dalam menangani kos sara hidup, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup Rakyat pada 15 Januari 2014. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan keahliannya melibatkan 15 YB Menteri-Menteri serta pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan Ketua Kluster Ekonomi dan Pengurusan, Majlis Profesor Negara.

Jawatankuasa ini telah mengambil beberapa pendekatan, iaitu memperkasakan pengguna dan mempertingkatkan pengeluaran bagi bekalan barangan. Bagi memperkasakan pengguna, Jawatankuasa Khas ini telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM3.57 juta** kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bagi melancarkan Pelan Tindakan bagi Kempen Pemerkasaan Pendidikan Pengguna oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan atau NGO Pengguna bagi fasa Pertama (Februari hingga April 2014). Sebanyak **20 NGO** telah terlibat dan **347 program kepenggunaan** telah dilaksanakan di seluruh negara melibatkan seramai **99,734 orang peserta**. Melalui medium media cetak, sebanyak **81 artikel** berkaitan menangani kos sara hidup telah diterbitkan di akhbar tempatan **dan 70 slot kepenggunaan** telah disiarkan melalui radio dan televisyen.

Sementara itu, dari segi meningkatkan pengeluaran produk pertanian, kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah dipergiatkan. Umpamanya, inisiatif jaminan bekalan dan pengedaran agromakanan dilaksanakan bagi membantu menangani kenaikan harga dan

memastikan jaminan ini adalah untuk komoditi terpilih yang lebih efisien. Beberapa strategi telah disusun dan dilaksanakan oleh MOA seperti:

i) Penyediaan modal pusingan.
ii) Program KUKUH.
iii) Penubuhan Pusat Pengumpulan Ladang.
iv) Penambahbaikan pusat pengumpulan dan pengedaran.
v) Penyediaan dan penaiktarafan pasar tani , pasar tani borong dan pasar tani kekal.

Kempen Penurunan Harga telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari 2014 telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan apabila disertai oleh 10 syarikat pengusaha *hypermarket/superstore/departmental store/supermarket* tempatan dan asing beserta 956 cawangan di seluruh Negara. Tempoh pelaksanaan kempen adalah di antara tiga hingga enam bulan dengan purata jumlah penurunan harga di antara 10 hingga 70 peratus. Malahan, Kempen Penurunan Harga Kali Kedua telah diadakan pada 5 April 2014 di pasaraya TF Value Mart dan pasaraya The Store, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Dari aspek penguatkuasaan dan perundangan, Kementerian akan terus melaksanakan **pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh** ke atas semua barangan seperti **OPS HARGA 2014.** Sehingga **23 September 2014**, sebanyak **1,157,637 pemeriksaan** telah dilakukan dan **4,731 tindakan undang-undang** telah diambil ke atas peniaga yang melibatkan **rampasan bernilai RM919,693.55** dan **kompaun sebanyak RM234,400**.

Selain daripada itu, langkah-langkah berterusan akan diambil seperti:

i) **Gerakan Pematuhan Tanda Harga** akan terus dilaksanakan bertujuan untuk memastikan peniaga mematuhi undang-undang berkaitan penandaan harga. Sehingga **23 September 2014**, sebanyak **2,615 tindakan undang-undang** telah dikenakan ke atas peniaga yang ingkar;

ii) **Tindakan pengeluaran notis di bawah Sekyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dilaksanakan** ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Bagi tempoh **1 Januari 2014** sehingga **23 September 2014**, sebanyak **89 notis** telah dikeluarkan; dan

iii) **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** merupakan satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah **akibat** permintaan tinggi semasa musim perayaan. Penentuan harga maksimum dibuat di peringkat pengeluar, borong dan runcit mengikut kewajaran dan kesesuaian bagi penguatkuasaan kawalan harga untuk memastikan harga barangan keperluan adalah berpatutan.

Justeru itu, melalui langkah-langkah ini, hasrat Kerajaan untuk menangani masalah kenaikan harga barangan secara tidak terkawal, terutamanya melibatkan golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah dapat dicapai.

SOALAN NO: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN

TARIKH: 29 OKTOBER 2014

SOALAN:

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah wujud satu sistem kuota yang dikenakan kepada majikan di mana-mana sektor untuk mempergunakan khidmat pekerja asing terutama dalam sektor perkhidmatan seperti stesen minyak, kedai-kedai 24 jam, kawalan keselamatan dan lain-lain.

PR-1323-L65264

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kerajaan membenarkan penggajian pekerja asing kepada enam (6) sektor sahaja iaitu sektor pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan (sub sektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan, pencucian dan pekerja resort pulau peranginan, kedi, hotel (back of the house), spa dan refleksologi) yang melibatkan jawatan pekerja tidak mahir dan pekhidmat domestik.

2. Pengisian jawatan bagi sektor-sektor tersebut dibuat selaras dengan nisbah pekerja asing terhadap pekerja tempatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan keperluan sebenar pekerja dalam sesebuah sub sektor yang berkaitan. Pada masa ini sub sektor-sub sektor seperti stesen minyak, kedai-kedai 24 jam dan kawalan keselamatan telah dibekukan dan tidak dibuka kepada penggajian pekerja asing. Ini berikutan jawatan-jawatan tersebut masih mendapat sambutan daripada pencari kerja tempatan khususnya pesara (bekas pegawai tentera dan polis bagi kawalan keselamatan) serta lepasan SPM dan STPM untuk bekerja secara separa masa di stesen minyak dan kedai 24 jam.

3. Jika masih ada pekerja asing yang bekerja di premis-premis tersebut, kemungkinan ianya adalah kelulusan terdahulu atau penggajian melalui syarikat *outsourcing* yang dibenarkan. Sekiranya, penggajian tersebut adalah selain daripada proses dan prosedur ditetapkan, maka ia adalah salah dari segi perundangan negara.

NO. SOALAN : 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]**
TARIKH	:	**29 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	

YB. Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah bentuk insentif yang boleh diberikan oleh Kementerian kepada pengusaha-pengusaha pelancongan tempatan untuk menawarkan pakej "Halal Cruise Tourism" sebagai satu "niche marketing" untuk menarik pelancong-pelancong yang beragama Islam dan pasaran Timur Tengah.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Bahagian Pembangunan Industri, Tourism Malaysia tidak menawarkan sebarang insentif kepada pengusaha pelancongan tempatan untuk menawarkan pakej Halal Cruise Tourism. Pihak Kementerian hanya mengadakan insentif bagi *Maiden Call* iaitu acara sambutan di pelabuhan semasa ketibaan kapal persiaran yang besar yang berlabuh di Pelabuhan Klang Cruise Centre (PKCC) buat kali pertama.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mempertimbangkan isu ini untuk dimasukkan ke dalam Mesyuarat *Cruise Council* (MCC) jika terdapat permohonan untuk mewujudkan pakej Halal Cruise Tourism.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN :17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH (JASIN)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**29.10.2014**

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan unit dan peratus skim amanah saham di bawah PNB mengikut kaum pada akhir tahun 1990, 2000, 2008, 2010 dan 2013 serta bilangan dan peratus syarikat yang PNB mempunyai kawalan pengurusan (management control).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bilangan unit dan peratus

pegangan dalam dana-dana unit amanah dibawah pengurusan PNB mengikut kaum adalah adalah seperti berikut:

TAHUN	JUM. PEGANGAN UNIT BUMIPUTERA (JUTA)	PERATUS (%)	JUM. PEGANGAN UNIT BUKAN BUMIPUTERA (JUTA)	PERATUS (%)
1990	8,846.08	100.0	-	-
2000	30,424.80	87.9	4,174.91	12.1
2008	70,463.92	85.2	12,226.05	14.8
2010	96,484.47	81.2	22,331.18	18.8
2013	146,551.71	83.6	28,673.95	16.4

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Disember 2013, syarikat di mana PNB dan unit amanah di bawah pengurusannya mempunyai pegangan ekuiti melebihi 50% adalah sebanyak 15 buah syarikat.

Merujuk kepada proses perlantikan pengurusan syarikat-syarikat pelaburan PNB, selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang baik, pihak PNB mengambil pendekatan di mana proses tersebut terletak di

bawah bidang kuasa lembaga pengarah syarikat-syarikat berkenaan. Bagi menjaga kepentingan PNB dan pemegang-pemegang akaun dana-dana unit amanah di bawah pengurusannya, PNB melantik pengarah namaan sebagai sebahagian daripada lembaga pengarah syarikat-syarikat di mana kumpulan PNB mempunyai kepentingan yang besar. Pengarah namaan ini akan bertindak secara kolektif dengan ahli lembaga pengarah yang lain untuk membuat keputusan berkenaan syarikat, termasuk perlantikan pengurusan.

NO. SOALAN : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]**
TARIKH	:	**29 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	

YB. Ir. Shaharuddin bin Ismail [Kangar] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sambutan program Pengalaman Homestay Malaysia di Wilayah Utara, berapakah jumlah pelancong yang telah mengikuti program ini dan perancangan masa hadapan Kementerian untuk terus memajukan industri inap desa khususnya di Wilayah Utara.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga Julai 2014, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mendaftarkan sebanyak 27 buah kluster homestay di Wilayah Utara dari Negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dengan penglibatan seramai 559 orang pengusaha yang menawarkan sebanyak 727 buah bilik untuk pelancong. Pecahan kluster homestay di Wilayah Utara adalah seperti berikut:

Bil	Negeri Wilayah Utara	Jumlah Homestay	Jumlah Pengusaha	Jumlah Bilik
1	Perlis	3	56	64
2	Kedah	15	334	431
3	Pulau Pinang	9	209	232
	Jumlah	**27**	**599**	**727**

Program Pengalaman Homestay Malaysia ini memberi kesan yang positif kepada industri pelancongan negara khususnya masyarakat luar bandar termasuk Wilayah Utara. Ini berdasarkan peningkatan kedatangan pelancong ke homestay di Wilayah Utara sebanyak 12.3% dengan jumlah seramai 20,489 orang pelancong domestik dan asing pada Januari hingga Julai 2014 berbanding tempoh yang sama tahun 2013. Jumlah pendapatan yang telah dijana oleh pengusaha homestay di Wilayah Utara pada Januari

hingga Julai 2014 ialah sebanyak RM899,030 dengan peningkatan sebanyak 22.4% berbanding tempoh yang sama tahun 2013.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan komited dalam memajukan industri pelancongan terutamanya yang melibatkan homestay kerana ia membantu meningkatkan ekonomi dan sektor pelancongan luar bandar. Antara perkara yang sedang dan telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan bagi memajukan Program Pengalaman Homestay Malaysia khususnya di Wilayah Utara ialah:

i. memberi bantuan menaik taraf kemudahan guna sama (infrastruktur asas) di perkampungan Homestay yang berdaftar untuk keselesaan dan kepuasan para pelancong yang menginap di homestay;

ii. melaksanakan program dan aktiviti homestay dengan kerjasama dengan agensi kerajaan di bawah kerajaan negeri Wilayah Utara yang terlibat dalam pembangunan homestay seperti MADA, KEDA, PERDA melalui inisitiatif Strategi Lautan Biru Nasional (NBOS) 9: *Visit My Kampung (VMK);*

iii. memberikan kursus-kursus bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengusaha homestay seperti kursus berkaitan pengurusan, pemasaran, keusahawanan, kewangan, hospitaliti dan bahasa asing (terutamanya Bahasa Inggeris). Para pengusaha homestay juga turut dilatih di bawah program *We Are The Host* (WATH) untuk menarik lebih ramai pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014; dan

iv. menyediakan platform promosi di dalam dan di luar negara yang melibatkan pengusaha homestay contohnya penyertaan di Showcase Satu Daerah Satu Industri (SDSI), Karnival Jom Pi Cuti-Cuti Homestay, Program Travel Malaysia di Singapura, Roadshow Promosi Homestay di Jepun, Australia, Indonesia dan Korea.

Selain itu, dari segi perancangan masa hadapan bagi memajukan Program Pengalaman Homestay Malaysia khususnya di Wilayah Utara pula, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan melaksanakan perkara-perkara berikut:-

i. mengklasifikasikan homestay berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam ASEAN Homestay Standard yang akan digunapakai oleh negara-negara ASEAN bermula 2015;

ii. mempromosikan Program Pengalaman Homestay ke pasaran baru yang berpotensi tinggi;

iii. meningkatkan pembangunan keupayaan pengusaha homestay melalui kursus dan latihan bagi memastikan kualiti perkhidmatan homestay yang optimum diberikan dan menawarkan pakej-pakej homestay yang menarik; dan

iv. mewujudkan lebih banyak kerjasama dengan pihak swasta dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam usaha untuk meningkatkan kedatangan pelancong dan pendapatan homestay.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DATO' JOHARI BIN ABDUL**

TARIKH : **29 OKTOBER 2014 (RABU)**

SOALAN :

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) bilakah Kerajaan berhasrat membentangkan Laporan lengkap Siasatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung pendatang tanpa izin di Sabah yang tempoh tamat siasatannya berakhir pada 21 Mei 2014 yang lalu; dan

(b) adakah Kerajaan merasakan siasatan ini belum lengkap dan sempurna dan satu tarikh baru diperlukan untuk melanjutkan siasatan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana yang dimaklumi, Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah yang ditauliahkan pelantikannya oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 21 September 2012 dan berakhir pada 22 Mei 2014 telah pun menyiapkan laporan hasil siasatannya. Suruhanjaya ini juga telah selesai mempersembahkan laporan siasatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 14 Mei 2014 selaras dengan tauliah penubuhan Suruhanjaya ini untuk menyerahkan laporan lengkap setelah siasatan diselesaikan.

Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan akan memberi perhatian yang serius terhadap laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah ini.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]**
TARIKH	:	**29 OKTOBER 2014 (RABU)**
SOALAN	:	**21**

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) apakah faktor yang menyebabkan MAS (Malaysia Airlines Systems) menghentikan perkhidmatan laluan Kota Kinabalu-Puerto Princesa Palawan Phillipines-Kota Kinabalu; dan

(b) adakah ianya disebabkan oleh kegagalan promosi MAS bagi laluan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laluan Kota Kinabalu – Puerto Princesa merupakan salah satu laluan di bawah sektor Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-The Philipphines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) yang dikendalikan oleh MASwings (yang juga merupakan anak syarikat MAS). Antara faktor-faktor yang menyebabkan MASwings menghentikan perkhidmatan laluan Kota Kinabalu – Puerto Princesa adalah seperti berikut:

(i) MASwings telah mengalami kerugian sebanyak RM2.09 juta sepanjang operasinya selama 10 bulan;
(ii) profil penumpang yang menggunakan perkhidmatan bagi laluan ini hanyalah berpendapatan sederhana;
(iii) jumlah penumpang daripada Palawan, Filipina yang menggunakan perkhidmatan ke Kota Kinabalu, Sabah adalah kurang;
(iv) MASwings mengalami masalah kekurangan juruterbang bagi menampung operasi pesawat baru ATR72-600; dan
(v) MASwings memberi keutamaan penggunaan pesawat kepada laluan domestik yang menjadi fokus utama di bawah Perjanjian Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services* – RAS) di antara Kerajaan dan MASwings.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penjelasan yang telah diberikan di atas adalah merupakan sebab-sebab utama pihak MASwings terpaksa menghentikan perkhidmatan ke laluan Kota Kinabalu – Puerto Princesa vv dan bukan berpunca daripada kegagalan promosi yang telah dilaksanakan.

NO SOALAN :22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**29.10.2014**

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah yang diambil kerajaan untuk memastikan penjawat awam tidak terbeban di atas perlaksanaan GST yang akan dilaksanakan pada April 2015.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil kira kepentingan semua golongan termasuklah penjawat awam dalam pelaksanaan GST dan seperti sedia maklum, GST

bukanlah cukai baru tetapi akan menggantikan Cukai Jualan – 10% dan Cukai Perkhidmatan – 6% sedia ada. Selama ini, rakyat telahpun membayar Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan bagi sesetengah barang dan perkhidmatan tanpa mereka sedari. Dengan GST, tiada lagi cukai berganda (10% + 6%) dikenakan menjadikan harga bagi barang dan perkhidmatan tertentu akan menjadi lebih kompetitif.

Di bawah GST yang diperkenalkan Kerajaan juga, golongan berpendapatan rendah akan sentiasa dilindungi kerana terdapat barangan dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar sifar (zero-rated). GST yang berkadar sifar bermaksud pembekalan yang tertakluk kepada kadar sifar yang mana tidak dikenakan GST pada peringkat output dan input.

Semasa pembentangan bajet 2015 yang lalu, Kerajaan telah mengambil tindakan berdasarkan maklumbalas daripada pelbagai lapisan masyarakat, Kerajaan telah bersetuju untuk meluaskan skop barang dan perkhidmatan yang tidak dikenakan GST. Antara penambahannya adalah:

- Semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport;
- Roti putih dan roti *wholemeal,*

- Serbuk kopi, serbuk teh dan serbuk koko;
- Mi kuning, kue tiau, laksa dan bihun;
- Ubat-ubatan Penting Nasional yang meliputi hampir 2,900 jenama ubat. Ubat-ubatan ini adalah bagi kegunaan rawatan untuk 30 jenis penyakit termasuk sakit jantung, kencing manis, darah tinggi kanser dan rawatan kesuburan;
- Bahan bacaan seperti buku mewarna kanak-kanak, buku latihan dan buku rujukan, buku teks, kamus dan kitab agama; dan
- Surat khabar.

Selain itu, Kerajaan juga bersetuju menaikkan kadar penggunaan elektrik yang tidak dikenakan GST daripada 200 unit kepada 300 unit pertama. Ini bermakna, sebanyak 70 peratus isi rumah akan mendapat manfaat langsung.

Bagi membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana termasuk penjawat awam, Kerajaan akan memberikan bantuan tunai secara *one-off* sebanyak RM300 kepada penerima BRIM.

Kerajaan juga sedar terdapat golongan peniaga yang cuba

mengambil kesempatan dari pelaksanaan GST dengan menaikkan harga secara tidak munasabah di mana ini akan membebankan pengguna termasuk penjawat awam. Sehubungan dengan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan menguatkuasa Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011. Kerajaan juga akan mengeluarkan *'shoppers guide'* dengan izin untuk membantu pengguna membuat perbandingan sebelum dan selepas

Soalan No :23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK GELUGOR]

TARIKH : 29.10.2014

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) Jumlah penglibatan syarikat yang membekalkan susu 1 Malaysia ke sekolah-sekolah di seluruh negara serta kriteria pemilihan syarikat pembekal tersebut; dan

(b) Sejauh mana pemantauan kawalan mutu susu yang dibekalkan dan dari negara manakah ianya diperoleh, dan senaraikan kes keracunan yang pernah berlaku di sekolah yang terlibat akibat daripada penggunaan susu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pada tahun 2013- 2014, sebanyak empat (4) syarikat tempatan menjadi pembekal Utama susu UHT berperisa ke sekolah-sekolah di bawah Program Susu 1Malaysia (PS1M). Pemilihan ini dibuat berdasarkan keupayaan syarikat untuk membekalkan susu UHT berperisa dalam kuantiti yang diperlukan dan dalam tempoh yang di tetapkan.

(b) Sebahagian besar bekalan susu di bawah program PS1M diproses dan dikilangkan dalam Negara. Memandangkan bekalan susu tempatan agak terhad, tambahan bekalan susu terpaksa diimport dari beberapa Negara luar seperti Korea dan Thailand. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pemantauan sentiasa dilakukan oleh Jabatan Pelajaran Negeri dan Jabatan Kesihatan Negeri bagi memastikan pengagihan berlaku dengan berkesan dan selamat. Semua gudang dan tempat penyimpanan susu perlu mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan sebelum dibenarkan menyimpan susu. Konsep yang digunakan untuk pengedaran susu adalah konsep FIFO (*First in, First out*). Segala kelemahan atau permasalahan akan dibincangkan di peringkat KPM melalui J/K Task Force Program Susu 1Malaysia. Satu Buku Garis Panduan Pelaksanaan Program Susu 1Malaysia juga diedarkan ke semua sekolah di samping Cakera Padat (CD) berkaitan kaedah meminum susu. Sehingga Jun 2014 sebanyak 18 episod kejadian simptom klinikal yang disyaki berpunca daripada pengambilan susu UHT.

RJM70

24

NO SOALAN: ~~26~~

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMOR]

TARIKH : 29 Oktober 2014 (Rabu)

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan. Adakah YAB Perdana Menteri berhasrat menunaikan janji yang dibuat pada tahun 2012.

JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] dan menggantikan dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.

2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.

3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.:25

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ**
KAWASAN	:	**JERLUN**
TARIKH	:	**29 OKTOBER 2014, RABU**

SOALAN:

YB. DATO' OTHMAN BIN AZIZ (JERLUN) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah kesediaan pengguna dan syarikat konsesi tol bagi cadangan pelaksanaan kutipan tol melalui sistem elektronik sepenuhnya dan bilakah sistem ini mampu dijalankan bagi mempercepatkan urusan pembayaran tol sekali gus mampu mengurangkan kadar kesesakan di plaza tol.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mensasarkan tahun 2020 untuk melaksanakan kutipan tol secara elektronik (ETC) sepenuhnya di semua plaza tol di lebuh raya negara ini.

Tujuan peralihan daripada transaksi tunai kepada elektronik ini ialah untuk mengurangkan masa menunggu kepada pengguna sekaligus mengurangkan masalah kesesakan trafik yang sering berlaku di plaza-plaza tol. Di samping itu, kaedah kutipan tol secara elektronik ini akan memudahkan syarikat-syarikat konsesi untuk melaksanakan program rebat atau diskaun tol. Ini dapat mengurangkan beban kewangan yang ditanggung oleh pengguna lebuh raya.

Pada masa kini pihak konsesi telah diarah untuk menggiatkan sesi penerangan secara menyeluruh kepada para pengguna sebelum Kerajaan melaksanakan dasar ETC sepenuhnya. Di samping itu, pihak konsesi juga sedang mengatur pelbagai program untuk mempromosikan penggunaan ETC kepada pengguna, seperti cadangan pemberian rebat tunai yang lebih menarik seperti program "PLUSMiles" yang telah dilaksanakan oleh konsesi PLUS Berhad.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa memantau kecenderungan penggunaan ETC di semua lebuh raya menerusi

penetapan Indeks Prestasi Utama (KPI) kementerian ini pada setiap tahun. Pada tahun 2013, penggunaan ETC secara keseluruhan telah mencapai tahap penggunaan sekitar 59%. Pada masa kini terdapat 5 plaza tol telah melaksanakan kaedah ETC sepenuhnya, iaitu di Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru dan Plaza Tol Kempas; dan 3 lagi plaza tol di laluan Lebuh Raya LINKEDUA Malaysia – Singapura.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (Rabu)

SOALAN

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan warga Malaysia yang didakwa di bawah Akta Hasutan sejak tahun 2009.

JAWAPAN: **YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dari tahun 2009 hingga September 2014, sebanyak 22 pertuduhan di bawah Akta ini telah dikemukakan di mahkamah. Kesemua kes berkenaan adalah membabitkan warganegara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI – BN]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN (NO. 27)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

(a) sejauh manakah penglibatan belia Sarawak terhadap program belia yang diperkenalkan oleh Kementerian untuk pembangunan belia berkenaan; dan

(b) adakah dana-dana pembangunan belia seperti Dana Belia 1MDB disertai oleh belia Sarawak dan berapakah jumlah penyertaan memuaskan.

JAWAPAN (a)

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan belia Sarawak terhadap program belia yang diperkenalkan oleh Kementerian untuk pembangunan belia berkenaan adalah sangat menggalakkan. Ini dapat dibuktikan dengan pencapaian penyertaan belia Sarawak dalam program yang dilaksanakan dari tahun 2012 hingga 2014 iaitu seramai 218,283 penyertaan. Pencapaian ini menunjukkan bahawa program anjuran Kementerian masih relevan dan menepati citarasa belia dan akan berusaha untuk menambahbaik pendekatan dan pelaksanaan program pembangunan belia dari semasa ke semasa.

JAWAPAN (b)

Dana Belia merupakan salah satu program di bawah Yayasan1MDB. Program ini telah disertai oleh belia yang berumur di antara 15 hingga 40 tahun dan telah mendapat penglibatan yang meluas di seluruh Negara, di Semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Dana Belia 1MDB yang diperkenalkan di bawah Yayasan 1MDB adalah untuk menggalakkan golongan belia Negara supaya turut serta dalam pembangunan Malaysia secara menyeluruh dengan melakukan pelbagai aktiviti yang menyokong pembangunan kemahiran individu serta memupuk persefahaman antara masyarakat berbilang etnik dan gaya hidup, samada melalui pemeliharaan alam sekitar, menggunapakai kreativiti atau memupuk sifat kepimpinan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN : 28

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

a) apakah kesimpulan yang diperoleh daripada laporan siasatan kemalangan kapal terbang yang terhempas pada 6hb Jun 1976 di mana pemimpin-pemimpin utama Kerajaan Sabah seperti Tun Fuad Stephens, Datuk Salleh Sulong, Datuk Peter Mojuntin, Datuk Chong Thain Vun, dan lain terbunuh; dan

b) sama ada laporan siasatan itu boleh diperoleh oleh awam

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara ini telah beberapa kali dibentangkan di Parlimen di antaranya pada Oktober 1976 dan Disember 2009. Kementerian ini sekali lagi menegaskan bahawa penyiasatan yang dilakukan oleh pihak Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan dibantu oleh pihak Penyiasat Australia ketika itu mendapati :

1. Tiada unsur-unsur jenayah atau sabotaj berlaku mengakibatkan kemalangan tersebut.

2. Tiada kecuaian mekanikal berlaku. Semakan ke atas rekod-rekod penyelenggaraan pesawat mendapati ia telah dilakukan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak DCA dan piawaian yang diguna pakai pada waktu tersebut iaitu *Air Navigation Order 1953* (ANO 1953).

3. Keadaan cuaca ketika tragedi itu juga adalah baik.

Sehubungan itu, pihak penyiasat telah menjuruskan penyiasatan kepada aspek kecuaian manusia (*human error*) dan keupayaan pesawat.

NO. SOALAN: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7161

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah terkini Kementerian dalam menentukan keselamatan tahanan polis daripada menjadi mangsa penderaan dan seksaan semasa dalam tahanan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam mengelakkan kejadian kematian dalam tahanan polis atau agensi penguatkuasa yang lain. Kementerian tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang disyaki menggunakan kekerasan yang menyebabkan kecederaan atau menyebabkan kematian semasa dalam tahanan. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian semasa dalam tahanan akan disiasat dan tindakan sewajarnya oleh Kementerian akan diambil sama ada dari sudut Tatatertib atau mencadangkan kepada pihak Pendakwaraya untuk dituduh di Mahkamah.

Statistik tahanan mati dalam lokap Polis pada tahun 2009 sehingga 2014 (Ogos) mengikut punca kematian seperti berikut:-

STATISTIK TAHANAN MATI DALAM LOKAP DAN JAGAAN POLIS MENGIKUT PUNCA KEMATIAN BAGI TAHUN 2009 HINGGA 2014 (SEPTEMBER)

BIL	PUNCA KEMATIAN	2009	2010	2011	2012	2013	2014	JUM
1	HIV					1	1	2
2	SAKIT ASMA	1						1
3	SAKIT JANTUNG		3	1	2	1	1	8
4	LAIN-LAIN PENYAKIT (USUS, HATI, KUNING, ULSER, PARU-PARU, KERONGKONG)	3	5	15	13	15	12	63
5	GANTUNG DIRI	2	1	1	4	2		10
6	DI CEDERA KAN POLIS	1				1		2
	JUMLAH	7	9	17	19	20	14	86

Bagi mengatasi kematian dalam lokap, pihak PDRM telah menyemak semula *Standard Operation Procedure* (SOP) yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baru di antaranya:-

a) **Memastikan borang pengesahan penyakit/ kecederaan hendaklah diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri.**

b) **Orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi kepada tahanan lain hendaklah dengan seberapa yang boleh diasingkan daripada tahanan lain.**

c) **Lawatan oleh pihak SUHAKAM. Lawatan pihak SUHAKAM adalah untuk menentukan tahanan yang ditahan mengikuti garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa.**

d) **Orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasingkan mengikut kategori penahanan mereka sama ada ianya merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang "habitual"; tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak.**

e) **Pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan dari Kementerian Kesihatan.**

f) **Semua lokap PDRM akan dilengkapi dengan CCTV bagi tujuan memantau pergerakan dan rakaman bagi memastikan orang tahanan dan pegawai polis yang bertugas dapat dipantau sepenuhnya sepanjang masa.**

Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-lagkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima oleh semua pihak dan sekali gus dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan.

SOALAN NO. 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

[BATU KAWAN]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai niat untuk menubuhkan satu Suruhanjaya untuk menangani isu-isu keganasan terhadap wanita.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan isu-isu keganasan terhadap wanita yang berlaku di negara ini. Bagi menangani isu-isu keganasan terhadap wanita, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya penggubalan dasar dan perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta pelaksanaan program advokasi. Sehubungan itu, Kementerian mengucapkan terima kasih di atas cadangan penubuhan suruhanjaya. Kementerian akan mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan satu suruhanjaya menangani isu-isu keganasan terhadap wanita.

SOALAN NO: 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASAN

TARIKH: 29 OKTOBER 2014

SOALAN:

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan bagi meningkatkan bilangan pekerja cekap dan berkemahiran tinggi kepada 50 peratus menjelang 2020 berbanding kini hanya 25.5 peratus daripada 12,7 juta pekerja di negara ini.

PR-1323-L63856

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Bagi menyokong usaha Kerajaan mewujudkan 50 peratus pekerja mahir menjelang tahun 2020, Kementerian Sumber Manusia, melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), berhasrat untuk meneruskan perlaksanaan Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu *(Recognition of Prior Learning, (RPL))*, bagi membolehkan para pekerja industri yang berkemahiran, tetapi tidak mempunyai sebarang persijilan, mendapat pengiktirafan ke atas kemahiran yang mereka perolehi setelah bertahun-tahun berkhidmat di dalam industri.

2. Sejak tahun 2010 hingga 31 Ogos 2014, RPL telah berjaya memberi peluang kepada 4,952 pekerja dari 143 majikan untuk mendapat persijilan dengan jumlah bantuan kewangan sebanyak RM2.02 juta.

Status Perlaksanaan Program Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu di bawah PSMB

Tahun	Bilangan Pelatih	Bilangan Majikan	Bantuan Kewangan
2010	84	3	25,200.00
2011	28	4	8,400.00
2012	2,542	44	76,2300.00
2013	904	49	354,350.00
2014	1,394	43	868,350.00
Total	**4,952**	**143**	**2,018,600.00**

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) juga sedang dalam perancangan bagi meningkatkan jumlah pelatih di Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Antara cadangan yang dibuat adalah menjalankan latihan secara '*double shift*' bagi mengoptimumkan kapasiti latihan ILJTM untuk program latihan jangka panjang sedia ada, bekerjasama dengan badan Persijlan Professional mengikut kursus-kursus yang sesuai dan menjalankan kursus-kursus jangka pendek. Pihak jabatan mensasarkan keluaran **319,183** tenaga kerja mahir bagi tempoh 5 tahun perlaksanaan (**2015-2019**) dengan peningkatan keluaran

sebanyak **57% (115,782)** berbanding anggaran keluaran sedia ada seramai **203,401**.

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]**
TARIKH	:	**29 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah jangkitan demam denggi setiap tahun sejak 2009.

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kes dan kematian denggi yang dilaporkan di seluruh negara dari tahun 2009 adalah seperti berikut;

2009: 41,486 kes dengan 88 kematian;
2010: 46,171 kes dengan 134 kematian;
2011: 19,884 kes dengan 36 kematian;
2012: 21,900 kes dengan 35 kematian;
2013: 43,346 kes dengan 92 kematian; dan
2014 (sehingga 20 September): 74,335 kes dengan 143 kematian.

NO. SOALAN : 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [RASAH]
TARIKH : 29.10.2014 (RABU)

TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan secara terperinci apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap sindiket "Gores dan Menang" dan Skim Cepat Kaya yang telah menyebabkan kerugian yang teruk terhadap rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Penipuan "Gores dan Menang" merupakan suatu bentuk tawaran hadiah atau baucer percuma kepada orang ramai dengan hanya menggores atau membuka sekeping kad. Kegiatan ini tertumpu di kawasan terbuka seperti tempat letak kereta pasaraya-pasaraya, bank-bank, pusat perhentian bas dan sebagainya. Mereka yang telah memenangi hadiah dikehendaki membayar sejumlah wang sedangkan barang yang dimenangi tiada atau bayaran tersebut tidak setimpal dengan barang yang diterima.

Skim Cepat Kaya pula merupakan suatu skim pelaburan yang menawarkan kadar pulangan yang tinggi atau tidak realistik dalam masa yang singkat. Skim ini biasanya menjanjikan pelaburan tersebut adalah bebas daripada sebarang risiko dan tidak berdaftar dengan Kementerian ini, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau pihak-pihak berkuasa lain. Ia juga termasuk sebarang bentuk pelan atau aktiviti pelaburan yang menyalahi undang-undang walaupun ianya dijalankan oleh institusi berdaftar dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

Tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini terhadap sindiket "Gores dan Menang" dan Skim Cepat Kaya ialah seperti berikut:

i) Membatalkan lesen syarikat jualan langsung yang menjalankan aktiviti "Gores dan Menang" dan Skim Cepat Kaya di bawah Akta *Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (AJLSAP 1993)*. Dari tahun 2005 sehingga September 2014, sebanyak 33 syarikat

jualan langsung telah dibatalkan lesen kerana terbabit dengan aktiviti berkenaan;

ii) Mengambil tindakan undang-undang dan pendakwaan di Mahkamah ke atas syarikat dan individu yang menjalankan aktiviti penipuan "Gores dan Menang" dan penyelewengan jualan langsung termasuk Skim Cepat Kaya di bawah AJLSAP 1993. Dari tahun 2005 sehingga September 2014, sebanyak 595 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM15,423,523.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak168 kes telah kompaun dan didenda di Mahkamah melibatkan nilai RM1,849,350.00;

iii) Menubuhkan Jawatankuasa Khas Bersama Bagi Menangani Jenayah Kolar Putih yang dianggotai oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia seperti oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bahagian Penguatkuasa KPDNKK, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Jawatankuasa ini bertujuan memudahkan jalinan kerjasama antara agensi penguatkuasaan dalam aspek pemantauan, risikan, serbuan, siasatan dan pendakwaan di samping memberi kesedaran awam dalam usaha menangani jenayah kolar putih termasuklah penipuan "Gores dan Menang" dan Skim Cepat Kaya;

iv) Melancarkan 'Ops Gores 2014' yang bermula pada 20 Mac 2014 hingga 19 September 2014 bertujuan untuk membanteras aktiviti penipuan "Gores dan Menang" dengan lebih berkesan. Pelan

tindakan membanteras aktiviti penipuan "Gores dan Menang" yang dilancarkan telah menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi membanteras aktiviti penipuan "Gores dan Menang" di seluruh negara. Sepanjang OPS tersebut, sebanyak 42 kertas siasatan telah dibuka di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 dan Akta Perihal Dagangan 2011 dengan nilai rampasan berjumlah RM473,931.00 manakala sebanyak 13 orang telah ditangkap untuk dihadapkan ke Mahkamah;

v) Pemantauan secara berterusan terhadap skim-skim pelaburan yang ditawarkan kepada orang ramai yang dibuat melalui media massa, internet, iklan, risalah dan sebagainya; dan

vi) Menjalankan program-program kesedaran pengguna berkaitan aktiviti penipuan "Gores dan Menang" dan Skim Cepat Kaya seperti:

a) ceramah-ceramah kepenggunaan kepada orang ramai di peringkat bandar dan luar bandar;

b) menyalurkan maklumat kesedaran melalui media cetak, elektronik dan iklan-iklan di papan tanda di kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai; dan

c) program bual bicara di radio, televisyen dan menerbitkan drama televisyen untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai penipuan "gores dan menang" dan skim cepat kaya. Antara program tersebut ialah 'Suara Kita Hak Kita' yang ditayangkan secara langsung melalui TV1 pada

jualan langsung telah dibatalkan lesen kerana terbabit dengan aktiviti berkenaan;

ii) Mengambil tindakan undang-undang dan pendakwaan di Mahkamah ke atas syarikat dan individu yang menjalankan aktiviti penipuan "Gores dan Menang" dan penyelewengan jualan langsung termasuk Skim Cepat Kaya di bawah AJLSAP 1993. Dari tahun 2005 sehingga September 2014, sebanyak 595 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan berjumlah RM15,423,523.00. Daripada jumlah tersebut sebanyak168 kes telah kompaun dan didenda di Mahkamah melibatkan nilai RM1,849,350.00;

iii) Menubuhkan Jawatankuasa Khas Bersama Bagi Menangani Jenayah Kolar Putih yang dianggotai oleh agensi penguatkuasaan di Malaysia seperti oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bahagian Penguatkuasa KPDNKK, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Jawatankuasa ini bertujuan memudahkan jalinan kerjasama antara agensi penguatkuasaan dalam aspek pemantauan, risikan, serbuan, siasatan dan pendakwaan di samping memberi kesedaran awam dalam usaha menangani jenayah kolar putih termasuklah penipuan "Gores dan Menang" dan Skim Cepat Kaya;

iv) Melancarkan 'Ops Gores 2014' yang bermula pada 20 Mac 2014 hingga 19 September 2014 bertujuan untuk membanteras aktiviti penipuan "Gores dan Menang" dengan lebih berkesan. Pelan

NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7159

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada siasatan terhadap dua orang penumpang pesawat MAS MH370 yang dilaporkan menggunakan pasport palsu telah dijalankan dan apakah hasil siasatan setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, selepas kejadian MH370, siasatan ke atas kes dua (2) orang penumpang pesawat MAS MH370 yang dilaporkan menggunakan pasport milik orang lain mendapati mereka adalah warganegara Iran iaitu POURIA NOUR MOHAMMAD dan SEYED MOHAMMED REZAR DELWAR masing-masing menggunakan Pasport milik CHRISTIAN KOZEL warga Austria No. Pasport P2979523 dan LUIGI MARALDI No. Pasport YA318197 warganegara Itali. Kedua-dua penyamar *(imposter)* tersebut berjaya melepasi pemeriksaan imigresen semasa masuk ke Malaysia melalui KLIA pada 28 Februari 2014 dan keluar pada 7 Mac 2014 kerana sistem pemeriksaan imigresen di pintu masuk Negara tidak diintegrasikan dengan sistem pengkalan data kes kehilangan pasport Interpol. Pasport yang digunakan oleh kedua-dua orang penyamar tersebut adalah pasport tulen.

Tuan Yang Di-Pertua,

Suka saya tegaskan disini bahawa siasatan juga mendapati destinasi terakhir kedua-dua penumpang tersebut ialah untuk masuk dan tinggal bersama keluarga mereka di Eropah.

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7160

SOALAN:

YB Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah anggota polis yang ditugaskan di daerah Sarikei dan daerah Meradong pada masa sekarang. Adakah jumlah itu mencukupi untuk memastikan keselamatan di kawasan-kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah anggota polis yang bertugas di Ibu Pejabat Daerah Sarikei adalah seramai 211 pegawai dan anggota. Manakala yang bertugas di Ibu Pejabat Daerah Maradong adalah seramai 73 pegawai dan anggota. Pada masa ini, PDRM berpendapat jumlah pegawai dan anggota yang ditempatkan di daerah-daerah ini adalah mencukupi.

Walau bagaimanapun Kerajaan secara dasarnya telah bersetuju meningkatkan bilangan pegawai dan anggota PDRM iaitu sebanyak 4,000 perjawatan setiap tahun sehingga mencukupi. Tujuan penambahan jawatan adalah bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman negara dapat dikekalkan demi kesejahteraan rakyat sama ada di bandar mahupun di luar bandar termasuk di Sabah dan Sarawak. Namun demikian keperluan penambahan anggota polis ini mengambil kira beberapa faktor seperti jumlah jenayah indeks, laporan trafik, jenayah narkotik, jumlah sekolah dan institusi pengajian tinggi, pembangunan setempat bagi tempoh 20 hingga 30 tahun, keluasan dan penduduk.

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN V. SIVAKUMAR [BATU GAJAH]**
TARIKH	:	**29 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	

YB. Tuan V. SIVAKUMAR [Batu Gajah] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan sama ada kementerian mempunyai apa-apa cadangan atau strategi untuk menjadikan Stesen Keretapi Batu Gajah lama sebagai satu pusat daya tarikan pelancong ke kawasan ini. Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan untuk projek berkenaan.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan masih belum mempunyai cadangan untuk menjadikan Stesen Keretapi Batu Gajah lama sebagai tarikan pelancongan baru memandangkan fizikal kawasan tersebut mungkin sesuai dikekalkan bagi tujuan penggambaran filem atau seumpamanya. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian telah melaksanakan projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Kellie Castle bernilai RM 5 juta tidak jauh dari stesen keretapi tersebut yang sehingga kini berjaya melonjakkan kedatangan pelancong ke Daerah Batu Gajah khususnya dan Perak amnya.

Selain itu, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara juga telah menjalankan penyelidikan terhadap Stesen Keretapi Batu Gajah lama. Walau bagaimanapun, didapati tapak tersebut tiada signifikasi sejarah dan nilai warisan untuk dijadikan sebagai tapak warisan mengikut kriteria di bawah Seksyen 67 Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645].

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]**
TARIKH	:	**29.10.2014 (RABU)**

TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah pelaburan skim cepat kaya YSLM haram, status siasatan syarikat CDTUP International Sdn Bhd yang mempunyai hubung kait dengan YSLM. Mengapa wakil dan agen YSLM yang berada di Malaysia tidak ditangkap dan harta mereka tidak disita untuk membantu siasatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Skim Cepat Kaya YSLM telah diasaskan oleh individu bernama Zhang Jian yang berasal dari negara China. Skim ini telah bernaung di bawah sebuah syarikat jualan langsung berlesen iaitu CDTUP International Sdn. Bhd. untuk memberi gambaran bahawa Skim yang dijalankan adalah sah disisi undang-undang. Skim atau pelan pemasaran yang ditawarkan oleh YSLM di bawah syarikat CDTUP International Sdn. Bhd. mempunyai unsur-unsur Skim Cepat Kaya atau Skim Piramid yang menawarkan pulangan pelaburan yang tinggi dalam masa yang singkat dan bergantung kepada kemasukan peserta-peserta baru ke dalam Skim berkenaan.

Jumlah sebenar pelaburan Skim Cepat Kaya YSLM tidak dapat dipastikan kerana ia bergantung kepada mereka yang membuat aduan kepada Kementerian ini dan berdasarkan rekod, kebanyakan aduan yang diterima adalah berbentuk pertanyaan. Tambahan pula akaun skim YSLM tidak wujud di mana-mana bank di negara ini.

Sebanyak 6 (enam) kertas siasatan telah dibuka ke atas syarikat CDTUP International Sdn. Bhd dan penganjur Skim YSLM di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993. Daripada jumlah tersebut, satu (1) kes telah dihadapkan ke Mahkamah pada 17 September 2014 di mana syarikat dan pengarah berkenaan telah dikenakan jaminan sebanyak RM200,000.00 sementara menunggu tarikh sebutan semula kes pada 21 Oktober 2014. Dua (2) kes telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk pertuduhan di Mahkamah dan tiga (3) kes lagi masih dalam siasatan.

Waran tangkap ke atas seorang lagi pengarah syarikat CDTUP International Sdn. Bhd. telah dikeluarkan oleh Mahkamah dan usaha-usaha sedang dijalankan untuk menangkap beliau. Selain itu, syarikat CDTUP International Sdn. Bhd. juga telah dibatalkan lesen jualan langsung pada 24 September 2014 kerana melanggar syarat-syarat lesen dan disyaki menjalankan perniagaan berunsurkan skim piramid.

Kertas siasatan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLATFA 2001) juga telah dibuka dan tindakan pembekuan dan penyitaan harta yang diperolehi melalui aktiviti haram mereka sedang dijalankan.

SOALAN (38)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	29 OKTOBER 2014 [RABU]
DARIPADA	:	Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

SOALAN :-

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani pembiayaan perumahan yang ketat, kadar faedah yang tinggi, kuantiti pembinaan rendah, kenaikan harga rumah yang melampau dan kemampuan untuk rakyat memiliki semakin terhad serta masih berlaku secara meluas di negara ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembiayaan perumahan adalah berasaskan kepada pendapatan dan keupayaan pemohon untuk membayar balik pinjaman tersebut. Syarat ini sebenarnya telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan semua bank-bank di Malaysia akur dan mematuhi arahan yang telah ditetapkan ini.

Menurut Bank Dunia, purata kadar faedah pembiayaan di Malaysia merupakan antara yang terendah di rantau ini, iaitu pada kadar 4.8% berbanding Indonesia (11.8%), Thailand (7.1%), Filipina (5.7%) dan Singapura (5.4%).

Untuk membendung spekulasi dan kenaikan harga rumah yang tinggi, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti:

i) Meningkatkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);

ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM 1 juta;

iii) Meningkatkan ketelusan harga jualan hartanah di mana pemaju perlu mempamerkan secara terperinci harga jualan termasuk semua manfaat dan insentif yang akan diberikan kepada pembeli; dan

iv) Melarang pemaju perumahan melaksanakan projek yang berciri *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS);

Selain itu, Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan garis panduan mengenai *Loan To Value* (LTV) 70% bagi mengurangkan spekulasi dari mereka yang membeli lebih dari 2 rumah di mana mereka ini akan hanya mendapat pinjaman sebanyak 70% manakala 30% lagi perlu dibayar sendiri.

Mulai 1 Januari 2014 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengenakan syarat baru dalam semua lesen pemajuan yang mewajibkan semua pemaju melaporkan pembelian

melebihi 4 hartanah dalam satu pemajuan oleh seorang individu atau syarikat.

Kerajaan juga telah merancang untuk meningkatkan lagi penawaran rumah dengan mensasarkan pembinaan sebanyak 1 juta rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun. Sasaran ini dijangka akan dapat memenuhi sebahagian besar permintaan daripada golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Antara program-program yang terlibat adalah Program Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

NO. SOALAN: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]**
TARIKH	:	**29 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	

YB DATO SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memberikan penerangan tentang sejauh mana penguatkuasaan Akta Peranti Perubatan (Akta 737) setakat ini. Apakah ianya mempunyai kesan positif kepada industri perubatan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Peranti Perubatan telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2013. Ia memberikan tempoh peralihan kepada industri peranti perubatan untuk mematuhi keperluan-keperluan regulatori seperti pendaftaran peranti perubatan, perlesenan establismen dan sebagainya. Seksyen 80 Akta Peranti Perubatan (Akta 737) memperuntukkan bahawa permohonan pendaftaran peranti perubatan hendaklah dibuat dalam masa 2 tahun dari tarikh kuatkuasa sebelum boleh diimport, dieksport atau diletakkan di dalam

pasaran Malaysia, manakala sesiapa yang ingin mengimport, mengeksport dan meletakkan dalam pasaran Malaysia peranti perubatan hendaklah memohon lesen establismen dalam masa 1 tahun dari tarikh kuatkuasa.

Pada ketika ini, tempoh peralihan bagi perlesenan establismen telah tamat pada 1 Julai 2014 yang lalu. Oleh yang demikian, mana-mana establismen yang telah memohon lesen establismen sebelum tarikh tersebut boleh terus menjalankan perniagaan mereka sementara permohonan mereka diproses. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang memohon lesen establismen selepas tempoh peralihan tamat, mereka tidak boleh menjalankan perniagaan mereka sehingga permohonan mereka diluluskan dan lesen establismen dikeluarkan. Ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 80 (3) Akta 737.

Aktiviti penguatkuasaan setakat ini tertumpu kepada establismen yang menjalankan urusan mengimport, mengeksport dan meletakkan di dalam pasaran sesuatu peranti perubatan itu tanpa lesen.

Ia tentunya memberi kesan positif kepada industri perubatan di Malaysia kerana pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta ini menyediakan peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua pihak berkepentingan bagi mewujudkan *level playing field* serta menyediakan platform/wadah bagi industri untuk menjalankan aktiviti perdagangan secara adil dan saksama. Selain itu, ia juga dapat memastikan setiap peranti perubatan itu selamat digunakan, berkesan, dan juga berfungsi sebagaimana yang diniatkan padanya.

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan berikutan keputusan Mahkamah Rayuan atas kematian Teoh Beng Hock, dan juga janji Perdana Menteri kepada keluarga Teoh Beng Hock bahawa Kerajaan akan mencari sebab yang menyebabkan kematian Teoh Beng Hock.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada 5 September 2014, Mahkamah Rayuan telah mengetepikan keputusan terbuka (*open verdict*) oleh koroner berhubung kematian Teoh Beng Hock dengan memutuskan, berdasarkan keterangan yang dikemukakan semasa Siasatan Kematian, terdapat keterangan mengikut keadaan *(circumstantial evidence)* yang menunjukkan bahawa terdapat kecederaan sebelum mendiang jatuh dan bahawa kematiannya adalah disebabkan atau dipercepat oleh orang atau orang-orang yang tidak diketahui.

2. Terdapat dua prosiding berasingan yang telah dibuat berhubung dengan kematian Teoh Beng Hock iaitu Siasatan Kematian (inkues) oleh Koroner dan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat kematian Teoh Beng Hock. Kesemua keterangan yang dikumpulkan semasa siasatan yang dijalankan oleh pihak polis telah dikemukakan dan diperiksa dengan teliti oleh Koroner dan kemudiannya oleh RCI.

3. Koroner telah memberikan keputusan terbuka manakala RCI pula mendapati Teoh Beng Hock telah didorong untuk membunuh diri kerana ditindas secara berpanjangan dan disoal siasat secara agresif oleh 3 orang pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

4. Pendakwa Raya akan membuat keputusan untuk mendakwa mereka yang terlibat sama ada di bawah Kanun Keseksaan atau

mana-mana undang-undang lain yang bersesuaian, sekiranya didapati ada keterangan dan bukti kukuh untuk mengaitkan mana-mana pihak semasa siasatan polis pada masa kejadian itu.

5. Walau bagaimanapun, siasatan yang dijalankan oleh pihak polis sebelum ini telah dibuat secara menyeluruh dan siasatan tersebut mendapati bahawa tidak ada orang yang bertanggungjawab secara jenayah (*criminally liable*) berdasarkan bukti yang boleh diterima pakai mengikut undang-undang. Berdasarkan dapatan siasatan yang demikian, Pendakwa Raya telah mengarahkan Siasatan Kematian (inkues) tersebut dijalankan.

6. Berikutan keputusan Mahkamah Rayuan itu, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menubuhkan suatu pasukan penyiasatan khas bagi membuka semula siasatan terhadap kes kematian Teoh Beng Hock. Jabatan Peguam Negara akan mengkaji semula dan membuat keputusan setelah siasatan tersebut selesai. Sekiranya keterangan mengikut keadaan didapati kukuh dan mencukupi untuk mewajarkan pendakwaan, maka pendakwaan akan dimulakan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**
TARIKH	:	**29 OKTOBER 2014**
SOALAN	:	

YB Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peruntukan untuk projek-projek pembasmian denggi yang disalurkan kepada setiap negeri dari tahun 2013 sehingga September 2014 memandangkan kes denggi yang semakin serius.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan peruntukan tahunan mengikut keperluan setiap negeri melalui Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Kawalan Penyakit iaitu meliputi perbelanjaan gaji/amolumen, operasi dan aset. Pada tahun 2013, peruntukan Perbelanjaan Mengurus Kawalan Penyakit adalah sebanyak RM597,004,926.45 dan pada tahun 2014 peruntukan adalah sebanyak RM503,209,227.00. Walau bagaimanapun, peruntukan untuk aktiviti kawalan denggi di setiap negeri adalah antara 25% - 40% daripada yang jumlah diperuntukan. Ia berdasarkan beban penyakit denggi yang

dihadapi oleh negeri terbabit dan ditentukan oleh Pengarah Kesihatan Negeri masing-masing.

Malah bagi menangani situasi peningkatan denggi pada masa ini, Kerajaan telah meluluskan perbelanjaan tambahan sebanyak RM27.7 juta bagi melaksanakan pelan tindakan khas aktiviti pencegahan dan kawalan denggi secara bersepadu dalam tempoh 2 bulan iaitu Pelan Tindakan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014. Pelan tindakan khas ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi 2014 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan telah dilaksanakan di 4 buah negeri yang melaporkan kes denggi tertinggi iaitu Selangor, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan dan Kelantan.

Soalan No :42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 29.10.2014

SOALAN :

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai IPTS yang mendapat kelulusan untuk penawaran kursus baru bidang perubatan sejak 1 Mei 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2011, sebanyak 21 buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) telah diberi kelulusan untuk melaksanakan 26 kursus perubatan di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Institusi-institusi tersebut ialah:

1. Kolej Universiti Insaniah (KUIN), Kampus Alor Setar;
2. Kolej Universiti Lincoln (Lincoln University College);
3. Kolej Universiti Sains Kesihatan Masterskills (Kampus Johor Baharu);
4. Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya (Cyberjaya University College of Medical Sciences);
5. Kolej Universiti SHAHPUTRA;
6. University MAHSA;
7. Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (UNIKL RCMP);
8. Universiti Perdana (Perdana University);

9. Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kampus Sungai Long;
10. Management and Science University (MSU);
11. Segi University;
12. Kolej Perubatan Melaka – Manipal;
13. Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST University);
14. Kolej Perubatan Pulau Pinang (PMC);
15. Allianze University College of Medical Sciences (AUCMS);
16. International Medical University (IMU);
17. Monash University Sunway Campus Malaysia;
18. Quest International University Perak (QUIP);
19. Newcastle University Medicine Malaysia (NUMed);
20. UCSI University, Kampus Kuala Lumpur; dan
21. Taylor's University.

RJM72

NO. SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR [TANJUNG KARANG]

TARIKH : 29.10.2014

RUJUKAN : 7162

SOALAN:

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramai yang telah didakwa di bawah Akta SOSMA semenjak ianya dikuatkuasakan dan apakah halangan-halangan yang dihadapi untuk menguatkuasakannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Seramai 41 orang telah didakwa di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 sejak ianya dikuatkuasa pada 31 Julai 2012.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di dalam menguatkuasakan sesuatu undang-undang yang baru, sudah pasti semua pihak yang terlibat dengan penguatkuasaannya kurang memahami dari segi pelaksanaannya. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengatasinya melalui penganjuran kursus, bengkel serta taklimat mengenai Akta ini bagi meningkatkan lagi pemahaman, kecekapan dan keupayaan dalam pelaksanaan Akta

NO. SOALAN : 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7163

SOALAN:

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah faktor yang menyebabkan sejak kebelakangan ini semakin ramai individu atau pihak berani membuat kenyataan yang boleh menyinggung perasaan kaum lain dan sensitiviti agama lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara dan kebebasan bersuara yang diberikan itu mestilah mempunyai batasan agar tidak menyinggung perasaan kaum dan sensitiviti agama lain. Ini kerana negara kita adalah terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, agama dan adat resam yang berbeza. Namun ada segelintir kumpulan atau individu tertentu telah mengambil kesempatan dan menyalahgunakan kebebasan yang diberi oleh Kerajaan. Pada masa yang sama kebebasan menggunakan media sosial juga dengan cara yang tidak berhemah adalah antara penyumbang kepada permasalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Di samping itu juga, segelintir kumpulan dan individu ini juga dilihat semakin berani berkelakuan sedemikian ekoran kononnya berikutan pemansuhan beberapa undang-undang pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Walaubagaimanapun, mereka silap kerana negara ini belum ketandusan undang-undang. Tindakan tegas akan tetap diambil terhadap golongan ini melalui undang-undang lain yang masih berkuatkuasa termasuklah Akta Hasutan 1948 , Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Kanun Keseksaan 1950 . Pada masa yang sama Kerajaan juga dari semasa ke semasa terus mengkaji

undang-undang sedia ada untuk memastikan ianya sentiasa relevan dan bersesuaian dengan perkembangan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Di sini saya ingin menyeru agar semua pihak menjauhkan diri daripada terlibat dengan kegiatan-kegiatan seumpama ini demi menjaga keselamatan, memelihara keharmonian dan kesejahteraan rakyat yang dinikmati selama ini.

NO. SOALAN: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN

TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kerajaan tidak memandang serius terhadap laporan RCI yang mengesyorkan IPCMC. Mengapakah laporan RCI. berkaitan PATI. di Sabah lambat disiarkan sedangkan Kerajaan telah acap kali menubuhkan "Royal Commission of Inquiry" dan membelanjakan peruntukkan yang besar dalam melaksanakannya.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana yang dimaklumi, Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah yang ditauliahkan pelantikannya oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 21 September 2012 dan berakhir pada 22 Mei 2014 telah pun menyiapkan laporan hasil siasatannya. Suruhanjaya ini juga telah selesai mempersembahkan laporan siasatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong pada 14 Mei 2014 selaras dengan tauliah penubuhan Suruhanjaya ini untuk menyerahkan laporan lengkap setelah siasatan diselesaikan.

Sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan akan memberi perhatian yang serius terhadap laporan Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah ini.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No :46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY [KAPAR]

TARIKH : 29.10.2014

SOALAN :

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) jumlah guru sekolah rendah dan sekolah menengah tetap (mengikut pecahan setiap negeri), dan juga guru sementara dalam negara ini (mengikut pecahan setiap negeri) dengan mengikut kategori jenis aliran sekolah dan juga subjek pengajaran; dan

(b) bilangan jawatan kosong guru di sekolah yang masih belum diisi, khususnya di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) mengikut pecahan setiap negeri dan langkah-langkah Kerajaan untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di -Pertua,

a) Jumlah guru sekolah rendah harian adalah seramai 236,746 orang. Daripada jumlah tersebut, bilangan guru bagi negeri Johor (27,282), Kedah (17,439), Kelantan (16,607), Melaka (7,348), Negeri Sembilan (9,710), Pahang (14,748), Perak (22,070), Perlis (2,392), Pulau Pinang (10,805), Sabah (25,464), Sarawak

(25,482), Selangor (34,265), Terengganu (12,017), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (9,519), Wilayah Persekutuan Labuan (758) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (840).

Manakala jumlah guru sekolah menengah harian adalah seramai 160,469 orang. Jumlah tersebut meliputi guru negeri Johor (19,041), Kedah (12,230), Kelantan (11,383), Melaka (5,272), Negeri Sembilan (6,454), Pahang (10,022), Perak (15,935), Perlis (1,767), Pulau Pinang (8,337), Sabah (14,705), Sarawak (14,429), Selangor (24,081), Terengganu (7,936), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (7,731), Wilayah Persekutuan Labuan (531) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (619).

b) Bagi bilangan jawatan kosong guru di Sekolah Rendah Harian adalah seramai 1,566 orang. Perincian bilangan jawatan kosong guru mengikut negeri adalah Johor (231), Kedah (447), Kelantan (373), Melaka (60), Negeri Sembilan (112), Pahang (133), Perak (314), Perlis (127), Pulau Pinang (9), Sabah (62), Sarawak (777), Selangor (760), Terengganu (158), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (119), Wilayah Persekutuan Labuan (22) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (16).

Bilangan jawatan kosong guru di Sekolah Menengah Harian pula adalah seramai 308 orang. Bilangan jawatan kosong guru mengikut negeri adalah Johor (89), Kedah (83), Kelantan (104), Melaka (1), Negeri Sembilan (66), Pahang (141), Perak (1), Perlis (20), Pulau Pinang (20), Sabah (160), Sarawak (86), Selangor (16), Terengganu (62), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (55),

Wilayah Persekutuan Labuan (15) dan Wilayah Persekutuan Putrajaya (23).

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, langkah-langkah KPM untuk menangani masalah ini antaranya ialah dengan menambah pengambilan calon guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) untuk dilatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) serta mengambil guru interim terlatih.

SOALAN NO.: 47

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD**
KAWASAN	:	**BUKIT GANTANG**
TARIKH	:	**29 OKTOBER 2014, RABU**

SOALAN:

YB. TUAN IDRIS BIN HAJI AHMAD (BUKIT GANTANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah piawai yang digunakan untuk menentukan had kelajuan kenderaan di jalan raya, kadang-kadang dilihat tidak logik seolah-olah bukan hendak menjaga keselamatan tetapi sebaliknya untuk menjana pendapatan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria penetapan had kelajuan kenderaan di jalan raya dan lebuh raya negara ini ditentukan oleh faktor-faktor seperti reka bentuk geometri jalan, kepadatan aliran trafik dan tahap risiko kemalangan. Faktor-faktor ini perlu diambil kira untuk memastikan reka bentuk sesuatu jalan raya atau lebuh raya itu memenuhi piawaian tempatan dan antarabangsa yang telah ditetapkan.

Di samping itu, aspek keselamatan juga merupakan antara faktor utama dalam penetapan had kelajuan di sesuatu lokasi, seperti di kawasan berkepadatan tinggi, kawasan menghampiri plaza tol, susur keluar masuk, laluan mendaki, kawasan angin lintang dan sebagainya. Oleh itu untuk mengurangkan risiko berlaku kemalangan, had laju di kawasan-kawasan itu perlu dikurangkan berbanding had kelajuan kebangsaan untuk lebuh raya (110 km/jam) dan Jalan Persekutuan (90 km/jam).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar had kelajuan yang diwartakan di jalan raya dan lebuh raya negara ini adalah bertujuan untuk memastikan tahap keselamatan pengguna secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, kementerian ini dari masa ke semasa sentiasa berbincang dengan pihak Kementerian Pengangkutan dan Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) untuk mengkaji semula had kelajuan yang diwartakan supaya ia bersesuaian dengan perkembangan teknologi semasa.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: #8

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG]

TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana pihak JAKIM dan Kementerian Kesihatan membuat penyelarasan bidang kuasa di peringkat dalaman berkenaan isu makanan halal demi mengelakkan kecelaruan seperti yang berlaku dalam kes coklat Cadbury baru-baru ini.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada dasarnya pengasingan tugas antara Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah jelas. KKM bertanggung jawab

terhadap isu keselamatan makanan dan pelebelan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Makanan 1983, manakala JAKIM bertanggung jawab terhadap isu pengesahan halal selaras dengan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011).

Penyelarasan pelaksanaan antara kedua-dua agensi sentiasa dilakukan melalui mesyuarat penyelarasan pada 6 Disember 2011, 11 Mac 2014 dan 24 Mei 2014. Hasil mesyuarat penyelarasan tersebut dipersetujui supaya maklumat yang akan diumumkan kepada orang awam adalah keputusan analisa yang diperoleh daripada Jabatan Kimia Malaysia melalui sampel yang diambil oleh JAKIM. Penentuan serta pemakluman kepada orang ramai hal berkaitan halal adalah di bawah bidangkuasa JAKIM, manakala hal berkaitan keselamatan makanan adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Kesihatan Malaysia.

Apabila berlakunya kes coklat Cadbury tempoh hari, mekanisma penyelarasan yang turut melibatkan semua agensi yang berkaitan iaitu JAKIM, KKM, Jabatan Kimia Malaysia (JKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Jabatan Standard Malaysia (JSM) telah bermesyuarat pada 26 Mei 2014 dan memutuskan bahawa:

i. sebarang penemuan oleh mana-mana agensi yang melibatkan isu halal perlu diselaraskan bersama JAKIM/JAIN selaku Pihak Berkuasa Yang Berwibawa dalam pensijilan halal di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Oleh yang demikian, kenyataan

berhubung isu halal hanya akan dikeluarkan oleh JAKIM bagi mengelakkan kekeliruan di kalangan masyarakat awam; dan

ii. KKM menghantar secara rasmi laporan-laporan hasil penemuan analisis sampel produk kepada JAKIM bagi menjalankan siasatan lanjut.

Kerajaan juga telah memutuskan bahawa persampelan *deoxyribonucleic acid* (DNA) babi tidak akan dilakukan oleh KKM ke atas produk yang mendapat pensijilan halal Malaysia dan badan Islam luar negara yang diiktiraf. Persampelan produk tersebut hanya akan dilakukan oleh JAKIM. Disamping itu, dua garis panduan turut dihasilkan bagi menyelaraskan prosedur persampelan dan pengujian produk di makmal KKM iaitu:-

i. Garis Panduan Pengurusan Maklumat Keputusan Ujian Makmal Kementerian Kesihatan Berkaitan Dengan *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) Babi; dan

ii. Garis Panduan Pemantauan Pematuhan Peraturan Makanan 1985 Bagi Makanan Yang Mengandungi Babi Atau Hasilan Babi.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG

TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah beliau bersedia untuk mewujudkan sesi masa Soalan Perdana Menteri (Prime Minister's Question Time) seperti yang dicadangkan oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat. Apakah agenda reformasi parlimen yang disasarkan oleh Perdana Menteri.

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sesi masa Soalan Perdana Menteri (Prime Minister's Question Time). Ini kerana setiap pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Rakyat akan dijawab sama ada secara lisan mahupun bertulis, oleh Menteri atau Timbalan Menteri mengikut portfolio dan bidang tugas masing-masing.

Sekian. Terima kasih.